

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN
(NIBONG TEBAL)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.03.2017

Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana Kerajaan bercadang melunaskan hutang 1MDB yang berjumlah AS\$6.5 bilion kepada Aabar Investment PJS (di bawah International Petroleum Investment Company ,IPIC Abu Dhabi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, 1MDB tidak berhutang sebanyak AS\$6.5 bilion kepada Aabar Investments PJS atau IPIC. Justeru itu, tidak timbul isu bila hutang tersebut akan dilangsaikan.

Namun demikian, pada masa ini terdapat kes timbang-tara atau *arbitration* (dengan izin) di antara pihak IPIC dan 1MDB yang masih lagi berlangsung di London Court of International Arbitration (LCIA). Kedua-dua pihak perlu menghormati garis panduan kerahsiaan dan publisiti atau *confidentiality and publicity guidelines* (dengan izin) pihak LCIA dan oleh itu, status kedudukan terkini kes tersebut tidak dapat diperincikan.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DR. ONG KIAN MING
KAWASAN : SERDANG
TARIKH : 23 MAC 2017, KHAMIS

SOALAN:

YB. DR. ONG KIAN MING minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah kos perbelanjaan untuk membina tembok baru dan menaik taraf jalan masuk ke rumah kediaman rasmi YDP Dewan Rakyat di Kuala Lumpur.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos keseluruhan membina laluan jalan alternatif ke rumah kediaman rasmi Yang Di-Pertua Dewan Rakyat di No. 3, Jalan Tunku, Kuala Lumpur ialah sebanyak RM1.4 juta.

Skop projek itu melibatkan pembinaan laluan masuk dengan reka bentuk JKR R1 sepanjang 100 meter, kerja-kerja perparitan dan pengalihan utiliti, membina pondok pengawal, pemasangan pagar elektronik, sistem keselamatan dan lampu jalan serta lain-lain kerja yang berkaitan. Projek ini telah dimulakan pada 21 Mac 2016 dan

dirancang siap dalam tempoh 12 bulan, iaitu pada 20 Mac 2017. Pada masa kini kemajuan semasa di tapak ialah 72% berbanding 92% mengikut jadual, di mana faktor utama kelewatan ialah disebabkan oleh kerja-kerja turapan konkrit yang terpaksa dijadualkan semula. Walau bagaimanapun pelaksanaan projek ini dijangka masih akan dapat disiapkan mengikut tempoh kontrak yang ditetapkan.

Sekian. Terima kasih.